

CNS2440

R GB 02-07 00132 BB897

KERAJAAN SERAH ISU MAIKA KEPADA BPR

Mahathir-saham

KUALA LUMPUR, 2 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata Badan Pencegah Rasuah (BPR) akan terus menyiasat isu saham Telekom Malaysia yang membabitkan Maika Holdings Berhad untuk menyediakan laporan kepada kerajaan.

Perdana Menteri berkata Kabinet tidak boleh membuat keputusan mengenai perkara itu.

+Itu bukan untuk Kabinet putuskan,+ katanya ketika ditanya mengenai penjelasan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos Datuk Seri S. Samy Vellu kepada Jemaah Menteri dalam mesyuarat semalam mengenai isu berkenaan.

Dr Mahathir juga enggan menyatakan sama ada beliau berpuas hati dengan penjelasan Samy Vellu.

+Sekarang sudah ada penyiasatan...penyiasatan akan terus sehingga kerajaan dapat laporan,+ katanya kepada pemberita pada majlis sambutan Maal Hijrah di Stadium Negara, di sini. -- Lagi

▼02/07/13-34MST

CNS2438

U GB 02-07 00151 BB898

bah

Mahathir-saham 2 (Akhir) Kuala Lumpur

Samy Vellu turut enggan memberi penjelasan mengenai perbincangan Kabinet ketika ditanya oleh pemberita mengenai perkara itu semalam dengan berkata, pada beliau isu itu sudah tamat.

Ketua Pengarah BPR Tan Sri Zulkifli Mahmud, yang turut menghadiri majlis itu, enggan membuat sebarang ulasan.

Isu itu timbul berikutan dakwaan Setiausaha Agung DAP Lim Kit Siang bahawa berlaku penyelewengan dalam peruntukan 10 juta saham Telekom Malaysia oleh Perbendaharaan kepada Maika pada tahun 1990.

Lim mendakwa sembilan juta daripada saham yang diperuntukkan kepada Maika itu telah diberi kepada tiga syarikat yang Samy Vellu mempunyai kepentingan.

Samy Vellu bagaimanapun, menafikan perkara itu dan menjelaskan saham tersebut diperuntukkan kepada masyarakat India. Hasil penjualan saham itu disalurkan kepada Kolej Tafe, di Seremban iaitu kolej milik MIC.

Siasatan BPR, yang dimulai awal April, diketuai oleh Pengarah BPR Wilayah Persekutuan, Nordin Ismail. -- Bernama

▼02/07/13-29MST